




Muslim Dalhar, 70, termenung **di depan kedainya** ketika banjir melanda Kampung Labohan Dagang, Sepang. [NSTP/FARIZ ISWADI ISMAIL] ISO 320 Aperture f2.8 Speed 1/500 sec



Kanak-kanak gembira bermain rakit **dalam hujan lebat ketika banjir** di Kampung Bukit Changgang, Sepang. [NSTP/FARIZ ISWADI ISMAIL] ISO 250 Aperture f3.5 Speed 1/800 sec

Banjir oh banjir

» Pelbagai **aksi, gelagat** sepanjang musim tengkujuh

Musim tengkujuh kembali menjengahkan diri. Fenomena biasa apabila berlaku banjir sekitar November hingga Mac, tahun berikutnya.

Fenomena banjir, yang biasa dilihat secara negatif kerana menenggelamkan rumah, harta benda dan kehidupan sebenarnya menterjemahkan 1,001 rahmat buat manusia dan seluruh alam semesta.

Menerusi banjir, pelbagai aksi dan gelagat yang dapat dipotretkan jurugambar sepanjang musim ini.

Perhatikan koleksi gambar yang dihasilkan jurugambar Kumpulan New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) dengan tema banjir berjaya mengekspresikan kreativiti jurugambar dalam menyerlahkan foto 'human interest'.

© Lensa Riong 23

Yazet Sunaji, 38, menggunakan tangki air untuk membawa isteri, Azahana Kusrin, 37 dan anaknya Muhammad Firdaus, 6 selepas **rumah mereka di Jalan Emas Kiri, Kampung Bukit Changgang, Banting** dilanda banjir baru-baru ini. [NSTP/FARIZ ISWADI ISMAIL] ISO 800 Aperture f5.6 Speed 1/500 sec





Sebahagian mangsa banjir di Kampung Bukit Changgang, Sepang menggunakan **rakit dan tangki air sebagai kenderaan** untuk melakukan tugas harian. [NSTP/FARIZ ISWADI ISMAIL] ISO 500 Aperture f5.6 Speed 1/640 sec



Penduduk Jalan Kebun, Azizul Mohammad, 21 dan Idris Harun, 6 **gembira dengan hasil tangkapan ikan** ketika banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun. [NSTP/INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA] ISO 250 Aperture f3.5 Speed 1/800 sec

O Dari muka 24

Lihat saja gambar Aizuddin Saad merakamkan gelagat bersahaja seorang wanita mengambil kesempatan menjemur pakaian ketika cuaca panas ditemani cucunya di Kampung Parit Jawa, Johor.

Selain menggambarkan suasana kampung, ia menjadi gambar menarik untuk ditatap masyarakat luar dan

tidak mengalami banjir bermusim seperti Malaysia.

Menggunakan konsep serupa, lensa jurugambar Fariz Iswadi Ismail merakamkan kreativiti mangsa banjir di Kampung Bukit Changgang, Sepang menaiki rakit dan tangki air sebagai kenderaan utama ketika banjir.

Menghasilkan momen sama apabila dia turut merakamkan tiga beranak menaiki tangki air untuk ke tempat selamat semasa bah, di Kampung

Changgang, Banting, baru-baru ini.

Manakala, banjir bagi dua penduduk Jalan Kebun, Klang membawa maksud 'rezeki' apabila berjaya menangkap ikan besar dan ia dirakamkan jurugambar, Intan Nur Elliana Zakaria bagi menyerlahkan 'nilai' kehidupan.

Termenung jauh Muslim Dalhar apabila kedainya dinaiki air di kampung Labohan Dagang, Sepang. Menariknya, gambar oleh Fariz Iswadi Ismail adalah serlahan warna kuning but memberi

'cahaya' pada gambar berkenaan.

Kibaran Jalur Gemilang sentiasa bersemangat. Biarpun rintik hujan menimpa bumi, sekumpulan aksi kanak-kanak berakit menggamit kenangan sewaktu kecil.

Betullah kata bidalan, hujan itu hujan rahmat! Kepada pembaca kolum Lensa Riong, pastikan kepekaan anda terhadap fonemena alam sepanjang bah menjadi elemen kreatif foto berkualiti.



Misiah Harun, 58, mengambil kesempatan menjemur pakaian ketika cuaca panas **di luar kediamannya yang masih dipenuhi air** di Kampung Parit Jawa, Batu Pahat. [NSTP/AIZUDDIN SAAD] ISO 200 Aperture f4 Speed 1/1000 sec